PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (061-079)

Struktur Sintaksis Kala pada Frasa Kerja Bahasa Bateq

[1]Muhamad Asytar Mohamad Noor Ropiah, [2]Fazal Mohamed Mohamed Sultan, [3]Nur FaqihahHanim Muhamed Sanari, & [4]Nur Anis Syafiqa Zulkefli

[1]asytarmnr@gmail.com [2]fazal@ukm.edu.my
[3]faqihahsanari@gmail.com [4]syafiqazulkefli23@gmail.com

[1,2,3,4] *Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 7 Februari 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 21 Mac 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2023
Published online

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang kala yang wujud dalam bahasa Bateq. Penggunaan kala dalam bahasa Bateq digunakan sebagai penanda masa untuk memberi maklumat yang lengkap. Bahasa Bateq mempunyai hubungan rapat dengan bahasa suku kaum Negrito yang lain, ekoran daripada susur galur suku kaum yang sama. Kelompongan dalam perbincangan kala dalam bahasa Bateq perlu dibincangkan kerana penggunaan kala penting dalam pembentukan sintaksis. Kajian ini ingin mengenal pasti kala yang wujud dalam frasa kerja bahasa Bateq. Kajian ini menggunakan data primer yang dikumpul daripada penutur natif bahasa Bateq di Kampung Dada Kering, Kuala Lipis, Pahang. Data dikumpul menerusi kaedah temu bual dengan menggunakan topik kehidupan seharian, aktiviti majlis keramaian dan suasana di pasar. Temu bual dijalankan secara berseorangan dan bersemuka bersama responden. Temu bual dirakam seterusnya diterjemah dan dianalisis menggunakan pendekatan teoritikal menggunakan Program Minimalis. Kajian ini memberikan tumpuan mikro yang menumpukan pada sintaksis frasa kerja yang mempunyai penanda masa. Hasil kajian mendapati bahawa dalam kata kerja bantu (KKB) bahasa Bateq terdapat fitur [+1] bersamanya. Penggunaan kata kerja bantu tersebut boleh hadir pada frasa kata kerja transitif tanpa memerlukan subjek. Menerusi dapatan ini, kajian membincangkan mengenai kata kerja bantu bahasa Bateq tersendiri tanpa kewujudan kata kerja bantu yangdiserap dari bahasa Melayu.

Kata kunci: Bateq; kata kerja transitif; Kala; Bahasa Orang Asli Negrito; kata kerja bantu

Syntactic structure of tenses in Bateq language verb phrases

Abstract

This study discusses the tenses that exist in the Bateq language. The use of tenses in the Bateq language is used as a time marker to give complete information. The Bateq language is closely related to the language of other Negrito tribes, due to the lineage of the same tribe. The group in the discussion of tenses in the Bateq language needs to be discussed because the use of tenses is important in the formation of syntax. This study wants to identify the tenses that exist in the verb phrases of the Bateq language. This study uses primary data collected from native speakers of the Bateq language in Kampung Dada Kering, Kuala Lipis, Pahang. Data was collected through interviews using topics of daily life, social gathering activities and the atmosphere in the market. Interviews are conducted

individually and face-to-face with respondents. Interviews were recorded and then translated and analyzed using a theoretical approach using the Minimalist Program. This study provides a micro-focus that focuses on the syntax of verb phrases that have time markers. The results of the study found that in Bateq auxiliary verbs there is a [+1] feature with it. The use of such auxiliary verbs can appear on transitive verb phrases without requiring a subject. Through this finding, the study discusses the independent Bateq auxiliary verb without the existence of auxiliary verbs absorbed from the Malay language.

Keywords: Bateq; tenses; auxiliary verbs; transitive verbs; Negrito languages

---

1. Pengenalan

Komuniti Orang Asli merupakan komuniti yang terawal yang menetap di Tanah Melayu sebelum kedatangan Kesultanan Melayu Melaka (Benjamin, 1976). Maka, keunikan bahasa Orang Asli yang dituturkan oleh masyarakat yang berbeza dengan golongan Orang Asli Melayu Proto, yang lebih hampir dengan bahasa Melayu yang dituturkan oleh penduduk Malaysia kini, Austronesia. Menurut Fazal Mohamed (2011), masyarakat Negrito dan Senoi merupakan penutur Orang Asli daripada kalangan Austroasiatik, golongan yang bermigrasi daripada Afrika Selatan hinggalah ke Benua Asia. Oleh itu, masyarakat Orang Asli Negrito dan Senoi, masih lagi mengamalkan gaya hidup nenek moyang mereka, dengan menjadikan hutan sebagai sumber pendapatan dan hasil hutan sebagai ruji makanan harian serta bergantung hidup secara penuh terhadap sumber daripada hutan belantara (Teh Kate Yng, 2020). Pada masa ini juga, jumlah penduduk komuniti masyarakat Orang Asli juga masih lagi berpusat di kawasan hutan, terpencil dan jauh daripada pusat bandar (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2021). Perbezaan suku kaum komuniti Orang Asli membawakan keunikan bahasa yang tersendiri daripada setiap suku kaum ekoran daripada taburan komuniti Orang Asli yang bercampur di antara Negrito dan Senoi. Justeru, terdapat isu pada bahasa Orang Asli yang boleh ditimbulkan daripada komunikasi harian mereka.


Bateq, antara suku kaum dari Negrito merupakan antara suku kaum yang menetap di Pahang, sudah mula berpindah ke kawasan pedalaman di Gua Musang (Mohd Rujhan Hadfi Mat Daud, 2022) mula menampakkan berlakunya migrasi komuniti Orang Asli ke kawasan baharu, yang juga merupakan penempatan Orang Asli Negrito, Mendriq dan Senoi, Temiar. Ekoran daripada perpindahan kawasan, penggunaan bahasa Orang Asli yang digunakan oleh mereka mampu difahami oleh suku kaum yang berbeza, meskipun berlainan suku kaum kecil dan utama (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2021). Oleh itu, komunikasi di antara dua kaum berbeza sedikit sebanyak menimbulkan percampuran kod di antara dua bahasa agar kedua-dua kaum mampu untuk memahami di antara satu sama lain. Maka, kajian-kajian bahasa lepas, khususnya kajian mengenai pembentukan ayat, atau sintaksis mempunyai isu-isu yang perlu untuk dibincangkan ekoran daripada fenomena percampuran kod bahasa ini. Dalam perbincangan pada penulisan Fazal Mohamed et al. (2011) dan Taha (2017) mengenai frasa kerja (FK), pendekatan teori akan dikenakan pada kajian bahasa Orang Asli Negrito dengan mengulas rajah pohon untuk mengulas struktur ayat bahasa Bateq yang mempunyai frasa kerja.

Walau bagaimanapun, perbincangan tersebut mempunyai kelompongan kerana penggunaan kala tidak dibincangkan secara meluas dalam penulisan yang dinyatakan, bercanggah dengan perbincangan yang ditulis oleh Atef Mustafa Jalabneh (2022) bahawa frasa kerja perlu dihadiri bersama frasa kala sebagai pelengkap bagi ayat yang dinyatakan. Oleh itu, kelompongan pada kajian lepas perlu untuk dibincangkan bagi mengisi kelompangan berikut dengan menganalisis frasa kala yang berlaku dalam bahasa Orang Asli Negrito, kaum Bateq. Perbincangan mengenai frasa kala bahasa Orang Asli Negrito perlu untuk dianalisis dan diulas agar kajian mengenai kala bahasa Orang Asli boleh diketahui maknanya dan boleh difahami ayatnya untuk berkomunikasi sesama kaum Orang Asli, seperti kajian Qasim Abbas Dhayef (2022) yang mengulas bahawa kala membantu komunikasi antara penutur memahami konteks ayat dengan jelas.

2. Kajian Lepas

Kajian lepas memainkan peranan penting untuk merangka kajian yang dilakukan ini agar boleh membantu untuk menambah baik kajian yang sedia ada dengan memberikan perspektif baharu kepada data bahasa. Rujukan kajian lepas membantu kajian ini untuk memahami dengan jelas mengenai penggunaan teori yang ingin dikenakan kepada dapatan data yang ingin dikaji. Sehubungan dengan itu, rujukan antarabangsa juga memainkan peranan penting dalam kajian ini agar pemahaman penting mengenai Program Minimalis dapat dibincangkan secara menyeluruh yang kemudiannya dapat diaplikasikan kepada dapatan bahasa Orang Asli Negrito ini. Kajian ini yang memberikan tumpuan kepada penanda masa, kala dan bahasa Orang Asli Negrito mengambil kira dua skop kajian tersebut sebagai panduan untuk membincangkan isu dalam kajian ini.

Perbincangan yang ditulis oleh Bisma Butt (2022), mengkaji mengenai bahasa Urdu menggunakan pendekatan minimalis untuk melihatkan kala dalam kata kerja. Bahasa Urdu yang mempunyai penanda masa tersendiri dalam membina ayat yang mempunyai unsur penafian bagi memberikan maklumat lengkap bagi pembentukan ayat. Penggunaan Program Minimalis yang diutarakan oleh Chomsky (1995) membolehkan dapatan tersebut dianalisis sehingga ke peringkat minimal. Kerangka Minimalis yang digunakan oleh bahasa Urdu boleh dilihat menerusi rajah berikut:



Rajah 1: Penggunaan Kerangka Teori X-berpalang dalam Program Minimalis untuk bahasa Urdu(Bisma Butt, 2022)

Berdasarkan kajian lepas, penentuan kala dalam pembentukan ayat memainkan peranan penting untuk menentukan makna semantik ayat untuk menjadi gramatis atau lengkap. Kajian bahasa Urdu oleh Bisma Butt (2022), menegaskan bahawa penggunaan penanda penafian mulai berubah saban tahun ekoran daripada fungsinya yang dilihat berkait rapat dengan penggunaan kala dalam ayat yang dibentuk. Oleh yang demikian, kajian mengenai kala perlu dibincangkan untuk mencapai objektif kajian ini untuk memberikan idea baru mengenai kata kerja dalam bahasa Bateq.

Kajian Dávid Györfi pada tahun 2022 pula memberikan tumpuan kepada kata kerja bantu bahasa Turki yang memainkan peranan pada makna tatabahasa tanpa kewujudan leksikal dengan menghadirkan penanda masa dalam pembentukan ayat. Penggunaan kata kerja bantu dalam bahasa Turki membantu ayat untuk memberitahu masa yang menentukan kala perbuatan dilakukan, berbeza dengan bahasa Inggeris

yang mempunyai penanda yang bergabung dengan kata kerja sebagai penentu masa. Contoh penggunaan kata kerja bantu untuk penanda masa bagi bahas Turki adalah seperti berikut:

1.	Aygerim	temeki	šeg-ip	Žatïr	
	Aygerim	rokok	menarik	sedang	
	'Aygerim sedang merokok.'				
2.	ana	süt-ti	bala-lar-ɣa	iš-kiz-ip	qoy-dï
	Ibu	susu	budak	Minum	sudah
	'Ibu sudah menyuruh budak minum susu.'				

Berdasarkan contoh ayat di atas, kata kerja bantu memainkan peranan dalam menentukan masa bagi perbuatan yang dilakukan dalam bahasa Turkiye. Penggunaan kata kerja bantu diasingkan dari kata kerja mahupun kata nama dalam ayat dan berdiri sendiri tanpa mengganggu leksikal sedia ada dalam ayat pada bahasa Turkiye. Dávid Györfi (2022) turut berpendapat bahawa dalam bahasa Turki, kata kerja bantu dalam bahasa Turkiye mempunyai lebih dari satu varian yang wujud pada bahasa Turki namun tidak lagi dituturkan dalam bahasa Turki Moden. Oleh itu, berpandukan daripada kajian lepas, Bahasa Bateq berkemungkinan mempunyai kata kerja bantu yang berperanan sebagai penanda masa yang tidak dituturkan oleh generasi kini, namun wujud leksikal yang pernah dituturkan pada generasi sebelum tanpa menggunakan kata kerja bantu yang diserap daripada bahasa Melayu sendiri.


Pada dialek Terengganu juga wujud kata kerja bantu aspek yang diserap dari bahasa Melayu baku dituturkan oleh penutur dialek Terengganu. Kata kerja bantu aspek merupakan kata kerja bantu yang menerangkan perbuatan atau lakuan dari segi masa sama ada belum berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku. Afiqah Mohammad (2021) menyenaraikan kata kerja bantu yang wujud pada dialek Terengganu yang digunakan oleh penuturnya seperti berikut:

Kata Kerja Bantu Aspek Lampau	Kata Kerja Bantu Aspek Kini	Kata Kerja Bantu Aspek Hadapan
Doh (Sudah) Penoh/Rajing (Pernah	Tengoh (Sedang/Masih)	Dok (belum)

Jadual 1: Kata Kerja Bantu Aspek Dialek Terengganu (Nurul Afiqah Mohamad, 2021)

Pembentukan frasa kerja memerlukan subjek diikuti oleh objek dan pelengkap agar maklumat pada ayat boleh difahami oleh pendengar. Penggunaan subjek dalam bahasa Orang Asli menggunakan KGN yang tergolong frasa nama sebagai agen atau pengalami dalam ayat. Peranan subjek sebagai kepala bagi ayat membantu pendengar untuk mengetahui pelaku kepada perbuatan yang berlaku pada ayat yang dituturkan. Kata nama berfungsi sebagai argumen dalam ayat untuk menjadi subjek dalam ayat (Fazal Mohamed, 2009 & 2015) menjadi elemen utama dalam pembentukan ayat, termasuklah penggunaan KGN di bawah KN. Maka, penggunaan KGN diri pertama merupakan tumpuan bagi kajian ini untuk membincangkan struktur frasa kala dalam pembentukan bahasa Bateq. Kajian Fazal Mohamed (2015) membincangkan KGN diri pertama *yek* dan *yem* sebagai subjek dalam pembentukan ayat dalam bahasa Orang Asli Negrito dipilih sebagai rujukan ekoran daripada suku kaum yang serumpun di bawah Negrito (Bateq, Mendriq, Lanoh, Kensiu, Kintak, Jahai). Penggunaan Kata Ganti Nama Diri (KGND) Bahasa Orang Asli Negrito mempunyai ciri persamaan di antara suku kaum mereka (Bateq, Mendriq, Kintak, Kensiu, Lanoh, Jahai) kerana setiap suku kaum berikut merupakan suku kaum yang berada di bawah Negrito. Penggunaan KGND dalam frasa kerja menjadi struktur utama dalam pembinaan ayat frasa kerja untuk memberikan maklumat kepada pendengar mengenai subjek yang melakukan perbuatan, sama ada tunggal mahupun jamak. Berdasarkan rajah di bawah juga, Fazal Mohamed (2015) mengkategorikan KGND berdasarkan KGND pertama, kedua dan ketiga dalam bahasa Mendriq. Terdapat ciri persamaan di

antara KGND kedua dan ketiga, yang menggunakan *bek* sebagai ‘kamu’ atau ‘dia’. Oleh itu, penggunaan KGND sebagai subjek merupakan antara elemen utama dalam pembentukan ayat pada frasa kerja bahasa Bateq. Penggunaan subjek dalam pembentukan ayat bahasa Bateq umumnya menggunakan KGND mengikut jumlah, keadaan dan pelaku yang menjalankan kata kerja. Maka, situasi berikut juga memainkan peranan penting dalam menentukan KGND yang tepat oleh penutur bahasa Bateq agar maklumat yang ingin disampaikan boleh difahami oleh pendengarnya. Oleh itu, KGND yang tepat membolehkan frasa kata kerja yang digunakan boleh berganding bersama subjek dalam ayat pada bahasa Bateq.



Rajah 2: Kata Ganti Nama Diri Bahasa Orang Asli Mendriq (Fazal Mohamed, 2015)

Dalam huraian Fazal Mohamed (2014) mengenai struktur frasa kerja bahasa Orang Asli Negrito, kaum Mendriq, membincangkan mengenai kata kerja yang wujud dalam bahasa Orang asli. Kajian itu mendapati bahawa pada frasa kerja bahasa Orang Asli Mendriq, mempunyai dua jenis frasa kerja yang boleh dilihatkan dalam bahasa tersebut, frasa kerja transitif dan frasa kerja tak transitif. Frasa kerja transitif, menurut Siti Rahayu Muhammad (2022), merupakan ayat kata kerja yang perlu diikuti dengan objek untuk melengkapkan ayat, manakala frasa kerja tak transitif pula adalah ayat kata kerja yang tidak memerlukan objek, sebaliknya boleh diikuti dengan kata sendi nama. Frasa kata kerja Mendriq, seperti yang diulas oleh Fazal Mohamed (2014) menunjukkan bahawa bahasa Orang Asli Mendriq mempunyai ciri kata kerja transitif, seperti contoh berikut:

3. Yek jagak anak
   Saya jaga anak
   “Saya menjaga anak.”

4. Yek luwit kayuk
   Saya panjat pokok
   “Saya memanjat pokok”

Contoh (1) dan (2) merupakan contoh kata kerja transitif dalam bahasa Mendriq yang membuktikan bahawa kata kerja dalam bahasa Mendriq masih memerlukan objek sebagai pelengkap ayat. Perkataan *jagak* dan *luwit* yang dinyatakan dalam dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa kata kerja transitif berikut memerlukan objek untuk digandingkan bersama KK transitif yang mengikutinya daripada golongan Frasa Nama (FN). Kehadiran objek selepas KK transitif menjadikan ayat boleh difahami pendengar dan mempunyai nilai semantik yang boleh difahami. Keguguran objek selepas KK transitif akan menjadikan ayat nipurnama dan menimbulkan persoalan kepada pendengar, seperti contoh ayat (3) dan (4):

5. *Yek jagak
   Saya jaga

6. *Yek luwit
   Saya panjat

Ayat (3) dan (4) merupakan ayat KK transitif yang tidak dihadiri bersama FN sebagai objek, menjadikan ayat berikut nipurnama dan tidak difahami pendengar ekoran daripada tiada pelengkap bagi ayat berikut. Maka, ayat yang terhasil sukar difahami kerana kekurangan maklumat yang ingin disampaikan (Fazal Mohamed, 2014).

Walaubagaimanapun, menurut Atef Mustafa Jalabneh (2022), frasa kata kerja perlu untuk dituruti oleh kala bagi mendapatkan pelengkap bagi ayat berikut. Contohnya dalam kajian beliau, beliau menunjukkan menerusi rajah pohon Program Minimalis, penggunaan kala dalam bahasa Arab digandingkan bersama kata kerja sebagai pelengkap ayat agar maklumat yang ingin disampaikan boleh difahami oleh pendengar:

7. A- kala al arruzza
   Subjek makan nasi
   "Saya sedang makan nasi"

8. A- syroba al halib
   Subjek minum susu
   "Saya sedang minum susu."

Dalam bahasa Arab, penggunaan kala digabungkan bersama KK transitif, seperti contoh ayat (5) dan (6). Subjek pula digabungkan berdasarkan huruf yang direpresentasikan oleh setiap Kata Ganti Nama (KGN) dalam bahasa Arab, alif (A-) untuk *saya* dan nun (Na-) untuk *kami*. KK transitif *kala* dan *syroba* merupakan bentuk kata kerja transitif yang turut melambangkan kala berterusan, bermakna interpretasi ayat berikut menunjukkan perbuatan aktif yang sedang berlaku oleh penutur bahasa Arab. Maka timbul persoalan mengenai bahasa Orang Asli yang turut mempunyai kala yang dihimpunkan bersama leksikal dalam pembentukan ayat, kerana pada dapatan Fazal Mohamed (2014), penggunaan KGN diri pertama *saya* diwakili oleh *yek* dan *yem* seperti contoh (7) dan (8):

9. Yek jagak anak
   Saya jaga anak
   "Saya menjaga anak."

10. Yem yetuh tom dalem kandek
    Saya masuk air dalam periuk
    "Saya memasukkan air dalam periuk."

Ayat (7) dan (8) kedua-duanya menggunakan apitan awalan *men-* dan *mem-* yang membawa maksud kala kini, bermakna perbuatan yang sedang dilakukan oleh penutur. Namun, pada peringkat bahasa Orang Asli dan peringkat glos, tiada penanda yang menunjukkan wujudnya kala pada peringkat glos. Tambahan pula, pada contoh (7), *yek* diterjemahkan kepada KGN diri pertama 'saya' dan begitu juga dengan *yem*. Isu mengenai kata ganti nama diri pertama pada bahasa Bateq ini perlu dianalisis semula untuk memahami penggunaan *yek* dan *yem* dengan betul. Kelompongan pada dapatan kajian lepas perlu dibincangkan agar kefahaman untuk pembentukan ayat bahasa Orang Asli dapat diulas dengan baik.

Bagi merumuskan perbincangan di atas, kajian mengenai frasa kata kerja Orang Asli perlu dibincangkan untuk menambah baik kelompongan kajian lepas dengan mengambil kira frasa kala yang perlu untuk dimasukkan ke dalam dapatan lepas. Penggunaan kala dalam ayat merupakan suatu fitur yang perlu sebagai pelengkap ayat agar ayat yang dibentuk mempunyai maklumat yang lengkap (Atef Mustafa Jalabneh, 2022). Maka, kajian ini memberikan tumpuan hanya kepada analisis deskriptif kata kerja dalam bahasa Bateq kerana bahasa Bateq merupakan antara bahasa Orang Asli Negrito, sama seperti bahasa Mendriq, yang masih lagi kurang dijalankan kajiannya.

3. Metodologi Kajian

Kajian deskriptif mengambil kira analisis kualitatif untuk membincangkan dapatan yang diambil daripada kajian lapangan. Kajian lapangan yang dijalankan selama sebulan dengan kebenaran dan bimbingan yang diberikan sepenuhnya oleh Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli. Kawasan kajian yang dipilih adalah di kawasan hutan simpan Taman Negara, Pahang merupakan kawasan yang padat dengan suku kaum Bateq dengan taburan penduduk yang kecil di kawasan yang terpilih (JAKOA, 2021). Kawasan terpilih merupakan kawasan yang ideal untuk dijadikan sebagai lokasi kajian kerana kawasan yang dipilih mempunyai Tok Batin yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik. Tok Batin kampung yang dipilih boleh membantu untuk mendapatkan responden yang bersesuaian untuk mengumpul data melaluikaedah kajian lapangan.

Menerusi kajian lapangan, pengumpulan data dapat dilakukan secara terus bagi mendapatkan data primer daripada responden bersasar (Ang Kean Hua, 2016). Kaedah temu bual digunakan dalam kajian ini kerana kaedah ini bersifat reflektif untuk memberikan gambaran yang sebenar mengenai suatu fenomena secara langsung (David Silverman, 2020). Dua orang responden dari suku kaum Bateq dipilih untuk tujuan pengumpulan data, sesuai dengan ulasan daripada Chomsky (1995) yang menyatakan bahasa akan kekal dan tidak berubah, maka memadai untuk mengambil dua orang yang berusia 60 tahun ke atas, tidak pernah meninggalkan kawasannya dan tinggal di kawasan pedalaman. Pengambilan data menerusi temu bual juga dirakam secara tidak langsung agar perbualan bersama responden dapat dirujuk semasa pembersihan data. Temu bual bersama responden dijalankan secara berasingan dalam bentuk soal jawab di antara responden dan pengkaji, yang meliputi topik kehidupan seharian, pekerjaan dan kawasan kejiranan kaum yang dipilih. Penggunaan gambar yang mempunyai aktiviti jual beli, mengemas rumah dan majlis jamuan digunakan untuk merangsang perbualan temu bual. Kesemua jawapan yang diberikan oleh responden perlu dijawap dalam bahasa Bateq dan dirakam menggunakan aplikasi rakaman menerusi telefon pintar para pengkaji. Pengkaji memberi tumpuan kepada pembentukan ayat kata kerja dalam temu bual, dan kurang menitikberatkan ayat yang mempunyai kata kerja bantu dalam bahasa Bateq.

Semasa menjalankan temu bual, pengkaji mengambil peluang untuk meminta responden yang mampu berbual dalam bahasa Melayu dengan fasih untuk membantu menterjemah ayat yang dirakam. Proses ini juga memberi peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan kepastian ayat kata kerja yang diberikan oleh responden untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi ayat bahasa Bateq. Rakaman tersebut akan dimainkan semula oleh pengkaji semasa proses pembersihan data untuk mendapatkan kesahan data yang diambil dan menggugurkan data yang mengganggu penganalisisan data.


Data mentah yang dibersihkan kemudian akan dianalisis menggunakan Program Minimalis untuk menganalisis data hingga ke peringkat minimal. Pendekatan ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti fitur yang digunakan dalam pembentukan ayat bahasa Bateq beserta peranan-peranan yang terlibat dalam memilih gandingan Subjek, Kata Kerja dan Objek. Bantuan rajah pohon yang menggunakan sistem binari boleh menghubungkan perkaitan di antara pemilihan subjek, kata kerja dan gandingan objek bersama kata kerja yang dihasilkan oleh responden dalam bahasa Bateq. Akhirnya, pengkaji boleh untuk membincangkan isu-isu yang wujud dalam bahasa Bateq terutamanya isu kala yang kurang dibincangkan oleh kajian lepas untuk menambah baik dapatan daripada kajian lepas.

Seterusnya, analisis data akan diulas dan dikaji dengan menerangkan mengenai frasa kerja sebagai permulaan kepada perbincangan dapatan. Responden yang dipilih merupakan lelaki kaum Bateq, yang menetap lama di Kampung Dada Kering, Kuala Lipis, Pahang dan menjalankan kegiatan mengutip hasil hutan sebagai pekerjaan tetap.

3.1 Kerangka Teori

Kajian-kajian mengenai Orang Asli Negrito banyak menyentuh mengenai pembentukan ayat dan frasa bahasa suku kaum Orang Asli, khususnya Program Minimalis, yang dipelopori oleh Chomsky (1995), membenarkan representasi ayat boleh dilihat melalui rajah dan boleh dianalisis hingga ke peringkat minimal. Representasi yang dipamerkan oleh Program Minimalis boleh membantu untuk memperlihatkan fitur-fitur yang terlibat dalam membentuk ayat (Fazal Mohamed, 2011).

Pendekatan yang dicadangkan oleh Noam Chomsky (1995), Program Minimalis merupakan asas kepada konsep minimal dan penggunaannya kepada pembentukan sintaksis. Program Minimalis membantu pengkaji yang mengkaji sintaksis bahasa untuk membincangkan struktur ayat sesuatu bahasa kepada peringkat minimal dengan menunjukkan representasi pada ayat yang mempunyai fitur-fitur yang terlibat untuk membentuk ayat yang turut menampakkan pengaruh semantik (Muhammad Saleem, 2022). Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi (2022) mengulas bahawa penggunaan Program Minimalis membantu untuk merangka semula pembentukan nul Pro bahasa Melayu dengan menganalisis ayat-ayat hingga ke peringkat minimal. Pembentukan ayat dibincangkan menggunakan Program Minimalis dirangka mengikut susur galur seperti rajah yang disediakan di bawah:



Rajah 3: Kerangka Asas Program Minimalis

Pendekatan ini telah banyak membantu para pengkaji yang mengkaji pembentukan ayat untuk mengenal pasti kata kerja, kata nama, kata adjektif dan juga penggunaan kala dalam ayat untuk menjadi pelengkap bagi sesuatu ayat dalam bahasa (Atef Mustafa Jalabneh, 2022). Oleh yang demikian, kajian bahasa Orang Asli yang menggunakan Program Minimalis untuk menganalisis pembentukan ayat dalam bahasa menjadi rujukan bagi kajian ini, khususnya yang membincangkan mengenai kala dalam kata kerja (KK) menggunakan pendekatan ini. Ahmad Syafiq Amir Abdullah Zawawi (2022) menegaskan bahawa

struktur sintaksis bahasa perlulah diulas dan dianalisis ke peringkat minimal untuk menerangkan fungsi setiap leksikal dalam pembentukan ayat.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Frasa Kerja

Frasa merupakan kumpulan kata yang membolehkan unit-unit klausa dibentuk menjadi sintaksis. Himpunan klausa yang dibentuk akan memberi makna pada ayat yang ingin dibentuk oleh penutur. Kata kerja pula adalah elemen yang penting dalam membina frasa kerja yang menjadikan kata kerja sebagai salah satu unsur dalam konstituen predikat. Pendek kata, kata kerja mampu untuk memilih objek dan mengandungi ciri-ciri tertentu yang dapat memberikan makna semantik dalam pembentukan sintaksis kerana mempunyai pasangan yang dominan (Chomsky, 1981). Penggunaan frasa kerja pula boleh terdiri daripada himpunan kata kerja yang memerlukan objek, kata kerja transitif, mahupun yang tidak memerlukan objek, kata kerja tidak transitif.

Kata kerja transitif merupakan kata kerja yang mempunyai kebolehan untuk memiliki satu atau lebih objek (Mohd Fauzi, 2020). Ini membolehkan kata kerja transitif memilih objek yang boleh memberikan makna semantik kepada kata kerja dengan memilih objek sebagai pelengkap ayat bagi frasa kerja. Dasarnya, kata kerja berfungsi sebagai predikat dalam ayat yang bergandingan bersama subjek dan predikat, atau *verb* dalam bahasa Inggeris (Fazal Mohamed, 2014).

Kata kerja merupakan antara ciri penting utama dalam menentukan objek, seperti bahasa Melayu, terdapat beberapa sub-jenis kata kerja, misalnya kata kerja tak transitif, kata kerja tak akusatif/kata kerja ergatif, yang menggunakan peranan teta dalam argumen subjek permukaan, kata kerja akusatif, yang mempunyai golongan kata kerja yang paling banyak, dan kata kerja dwitransitif, yang mempunyai dua argumen dalaman dan satu argumen luaran (Rodney Jubilado, 2016). Menurut Rodney Jubilado (2016) kata kerja akusatif/transitif perlu diikuti oleh objek seperti:

11. Saya *makan* nasi
    KK objek
12. Dia *mengelap* cermin
    KK objek

Kata kerja tak akusatif/ergatif pula hanya memerlukan kata kerja yang memberikan peranan teta kepada Frasa Nama (FN). Kata kerja ini tidak mempunyai argumen dalaman di dalam struktur tematik, seperti contoh berikut:

13. Mak sedang tidur
    Tidur: Teta <pengalami>
14. Kerusi itu dijatuhkan oleh dia
    Dijatuhkan: Teta <agen>

Berdasarkan penerangan di atas, menunjukkan bahawa kata kerja adalah ciri penting dalam frasa kerja yang membentuk unit-unit klausa kerja kepada frasa kerja yang boleh memberi makna semantik pada ayat. Kata kerja yang boleh memilih objeknya, mempunyai pasangan dominan, boleh memilih dan memiliki objeknya serta mengandungi unsur-unsur tertentu untuk memberikan makna semantik dalam pembentukan sintaksis. Berdasarkan maklumat kata kerja transitif, frasa kerja transitif bahasa Bateq dianalisis secara deskriptif, dan analisis dimulakan dengan melihat aspek pembentukan dahulu sebelum memulakan perbincangan kepada aspek frasa kerja.

4.2 Frasa Kerja Transitif Bahasa Bateq

Frasa kerja (FK) bahasa Bateq dalam perbincangan ini menyentuh mengenai pembentukan frasa kerja transitif bahasa Bateq yang mempunyai ciri tersendiri dalam memilih objek dan juga penggunaan subjek dalam sintaksis. Isu pada FK transitif bahasa Bateq timbul apabila FN bahasa Bateq boleh digunakan sebagai penentu kala dalam ayat yang dituturkan oleh penutur Bateq. Frasa kerja transitif bahasa Bateq, seperti bahasa Melayu, memerlukan objek atau penyambut untuk menjadikan ayat gramatis dan lengkap. Berikut merupakan data FK transitif bahasa Bateq:

15. Yek yem **chik** ketok pagi
Saya sedang makan sarapan pagi
"Saya sedang makan sarapan pagi"

16. Yek yem **am** tum kopi
Saya sedang minum air kopi
"Saya sedang minum air kopi"

17. Yek yem **chik** nasi
Saya sedang makan nasi
"Saya sedang makan nasi"

Berdasarkan contoh ayat (15), (16) dan (17) di atas menunjukkan FK transitif bahasa Bateq yang memerlukan objek, *chik* untuk makan dan *am* untuk minum. Keduanya mengambil leksikon daripada minda responden yang menuturkan bahasa Bateq untuk dipadankan bersama kata kerja transitif, *ketok pagi* untuk contoh (15), *tum kopi* untuk contoh (16) dan *nasi* bagi untuk (17) daripada Kata Nama (KN). Kehadiran pelengkap menghasilkan ayat yang gramatis dan boleh difahami oleh pendengar dalam komunikasi harian. Pengguguran KN dalam ayat yang mengandungi KK transitif akan menjadikan ayat janggal dan tidak gramatis, meskipun menggunakan *yek* sebagai subjek 'saya' pada ayat berikut:

18. *Yek **chik**
Saya makan

Contoh ayat (18) menunjukkan bahawa KK transitif tanpa objek adalah ayat yang tidak gramatis dan tidak boleh difahami oleh pendengar. Ketiadaan pelengkap dalam ayat menghasilkan ayat yang tidak lengkap dan tidak gramatis kerana kekurangan maklumat yang ingin disampaikan. Oleh itu, seperti kajian Fazal Mohamed (2014), bahasa Orang Asli Negrito juga memerlukan objek untuk melengkapkan ayat yang menggunakan KK transitif dalam ayat. Hal ini demikian kerana frasa kerja merupakan eleman pertama atau kepala kepada pembentukan ayat. Oleh itu, pengguguran objek menjadikan ayat janggal kerana struktur ayat tersebut tidak lengkap tanpa kehadiran penerang kepada perbuatan yang dilakukan. Maka, seperti bahasa Melayu, KK transitif memerlukan unsur lain bagi memberi makna kepada ayat berikut dengan kewujudan pelengkap dalam ayat, seperti ayat (15), (16) dan (17).


Isu berbangkit apabila penggunaan KGN diri pertama *yek* dan *yem* digunakan dalam satu ayat, menunjukkan berlakunya pengulangan 'saya' dalam ayat (15), (16) dan (17), namun di akhir terjemahan ayat berikut wujud kata kerja bantu 'sedang'. Dasarnya, pengulangan ini boleh dikategorikan sebagai penggandaan leksikal yang digunakan sebagai penegasan terhadap perbuatan yang dilakukan merujuk kepada hanya seorang sahaja yang melakukan aktiviti tersebut. Namun, isu ini diulas dengan menerangkan bahawa sekiranya gugur salah satu leksikal tersebut, ayat yang dituturkan masih memberi makna yang sama (19) (20), berbeza dengan kata ganda, seperti kata ganda berirama yang sekiranya digugurkan leksikal pertama, ayat akanmenjadi janggal seperti ayat (21);

19. *yek chik nasi* Saya
makan nasi "Saya
makan nasi"

20. *yem chik nasi*
Saya makan nasi
"Saya sedang makan nasi"


21. Muih di atas meja*

Perbezaan tersebut jelas membuktikan bahawa *yek* dan *yem* tidak boleh dikelaskan sebagai kata ganda kerana keguguran leksikal pertama, seperti contoh ayat (21), di mana gandingan *muih* seharusnya bersama *kuih*, tetapi apabila digugurkan *kuih*, ayat tersebut menjadi tidak gramatis. Contoh perbezaan pada ayat (17) yang mempunyai *yek* dan *yem* manakala ayat
(19) yang menggugurkan *yem* dan ayat (20) yang menggugurkan *yem*, maksudnya kedua-dua ayat tersebut mempunyai maklumat yang lengkap, manakala sekiranya gugur leksikal pertama pada ayat kata ganda seperti ayat (21), ayat tersebut akan menjadi janggal dan tidak boleh difahami. Rajah pohon bagi contoh ayat (19) adalah seperti berikut




Rajah 4: Rajah pohon bagi contoh ayat

Isu ini seterusnya menimbulkan kekeliruan mengenai fungsi *yek* dan *yem* dalam ayat. Isu ini menimbulkan kekeliruan kepada KGN diri pertama kerana menurut Fazal Mohamed (2014), kedua-dua *yek* dan *yem* adalah 'saya', bukan 'saya' dan 'aku', atau 'saya' dan varian KGN diri pertama yang lain. Isu ini diterangkan dengan jelas dengan bantuan rajah pohon di bawah:




Rajah 4: Rajah pohon bagi contoh ayat

Pada contoh rajah pohon di atas, kehadiran *yek* jelas pada posisi subjek, menunjukkan *yek* adalah subjek bagi ayat (15) dan di bawah label FK pula adalah kata kerja transitif *chik* sebagai makan, memerlukan pelengkap bagi melengkapkan ayat berikut, di bawah golongan Kata Nama (KN). Berdasarkan contoh di atas, *ketok* merupakan pilihan leksikal yang digandingkan bersama KK transitif di atas, dan *pagi* pula merupakan penerangan bagi KN dalam ayat. Pada peringkat label kala pula, *yem* berada di posisi kala dan dilabelkan sebagai kala berterusan, berdasarkan penerangan responden, Din Anak Lelaki Cabang (2022), yang menekankan bahawa kehadiran *yem* dalam ayat menegaskan bahawa perbuatan tersebut merupakan aktiviti aktif yang sedang berlaku. Meskipun kedua-dua leksikal *yek* dan *yem* membawa makna 'saya' dalam bahasa Bateq, namun peranan kedua-dua leksikal tersebut berbeza mengikut posisi yang diaturkan dalam ayat. Peranan teta yang diberikan keseluruhannya kepada leksikal dalam ayat, bermula dengan *yek* sebagai subjek mempunyai peranan teta "agen" dan objek diberikan peranan "penderita". Oleh itu, *yem* yang diulas oleh Fazal Mohamed (2014) sebagai 'saya' memiliki fitur saya, namun berubah menjadi kata kerja bantu 'sedang' apabila digandingkan bersama *yek* dalam ayat yang sama. Begitu juga berlaku pada rajah pohon (14) dan (15) seperti berikut:



Rajah 5: Rajah pohon bagi contoh ayat

Seperti rajah pohon sebelumnya, fenomena yang sama turut berlaku pada rajah pohon di atas yang menunjukan bahawa kehadiran *yek* sebagai subjek ‘saya’ mengubah fungsi *yem* sebagai KGN diri pertama kepada kata kerja bantu kala berterusan ‘sedang’ untuk menerangkan perbuatan *am tum kopi* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, ‘minum air kopi’ berlaku dalam keadaan sekarang, bermakna penutur sedang memberitahu pendengar bahawa penutur sedang minum air kopi. Fenomena ini menunjukkan bahawa penggunaan kala dalam bahasa Bateq menggunakan kata kerja bantu yang mempunyai fitur KGN diri pertama pada dirinya. Kata Nama di posisi subjek memberi maklumat bahawa terdapat pelaku pada perbuatan yang dilakukan tersebut dalam ayat. Kedua-dua *yek* dan *yem* kekal menjadi subjek dan kata kerja bantu ‘sedang’ dalam ayat berikut untuk menerangkan mengenai kala dalam ayat yang membawa kepada kala berterusan. Ekoran daripada kehadiran subjek *yek* sebagai saya, *yem* menjadi kata kerja bantu yang membawa makna kala berterusan ‘sedang’ untuk memberikan maklumat bahawa perbuatan tersebut sedang berlaku kepada pendengar. Kehadiran leksikal di posisi subjek memberikan maklumat penting bahawa wujudnya pelaku dan kewujudan pelaku membolehkan kata kerja mempunyai makna apabila digandingkan bersama subjek dan objek pada ayat yang dinyatakan. Struktur ini membuktikan bahawa pembentukan ayat kala bahasa Bateq mempunyai bentuk yang jelas dan boleh diterangkan dengan terperinci berdasarkan rajah pohon yang dibentuk daripada ayat (16). Struktur ini juga boleh dikenakan kepada ayat-ayat lain yang ingin menerangkan mengenai kala berterusan pada kata kerja bahasa Bateq.



Rajah 6: Rajah pohon bagi contoh ayat


Berdasarkan rajah pohon di atas, didapati bahawa penggunaan *yem* menjadi kata kerja bantu dalam rajah berikut untuk menunjukkannya kehadiran kala berterusan dalam ayat yang dipilih. Ini juga bertepatan dengan tafsiran daripada responden bahawa apabila menggunakan *yek* dan *yem* bermakna perbuatan aktif yang dilakukan berlaku sekarang (Din Anak Lelaki Cabang, 2022). Oleh itu, *yem* dalam ayat menjadi kata kerja bantu, meskipun mempunyai fitur KGND pertama yang ada padanya. Fitur tersebut jelas berdasarkan contoh pada ayat (15), (16) dan (17). Walaubagaimanapun, kehadiran *yek* sebagai subjek dalam ayat boleh digugurkan dan masih lengkap ayat yang terhasil dan gramatis, seperti contoh berikut:

22. Yem **chik** ketok pagi
sedang makan sarapan pagi "Saya sedang makan sarapan pagi"

23. Yem **am** tum kopi
sedang minum air kopi
"Saya sedang minum air kopi"

Contoh (22) dan (23) menunjukkan berlakunya pengguguran subjek *yek* sebagai KGN diri pertama dalam ayat, namun pada terjemahan bahasa baku Melayu, ayat yang dinyatakan masih gramatis dan boleh difahami oleh pendengar meskipun ketiadaan kata kerja bantu (KKB) dalam ayat seperti contoh ayat (19). Menggunakan pendekatan yang berlaku seperti contoh ayat (15), (16) dan (17), *yem* menjadi kata kerja bantu 'sedang' yang turut menarik fitur subjek 'saya' pada peringkat glos, yakni peringkat terjemahan langsung dari bahasa Bateq ke bahasa Melayu, namun pada terjemahan bahasa Melayu baku, kehadiran 'saya' masih kekal dalam ayat untuk

menjadi subjek bagi ayat berikut. Isu ini diterangkan dengan jelas menggunakan rajah pohon berikut:




Rajah 7: Rajah pohon bagi contoh ayat

Responden menerangkan bahawa tanpa *yek* dalam ayat, subjek 'saya' masih lagi wujud, namun digugurkan leksikal tersebut daripada ayat. Struktur ayat KK transitif masih sama, *chik* sebagai kata kerja transitif yang memerlukan objek *ketok* daripada golongan KN dan *pagi* sebagai penerang bagi objek. Ayat tanpa subjek masih dikategorikan sebagai gramatis oleh responden kerana menurut beliau, fitur KGN diri pertama masih wujud, namun hilang daripada struktur ayat. Ketiadaan subjek diisi oleh kategori kosong e untuk memenuhi EPP sahaja. Ini menunjukkkan bahawa bahasa ini juga mempunyai fenomena pengguguran subjek. Namun ayat tersebut masih dianggap gramatis kerana setiap posisi mempunyai leksikal yang sesuai dan layak kerana telah memenuhi ujian akusatif untuk berada pada posisi tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa *yem* mempunyai fungsi yang berbeza sekiranya gugur *yek* dalam ayat namun masih mengekalkan fungsinya sebagai KKB 'sedang' apabila berada pada posisi sebelum Kata Kerja Transitif. Sekiranya *yem* berada pada posisi selepas Kata Kerja Transitif, maka ayat tersebut menjadi janggal seperti contoh ayat (24):

24. Yek chik yem ketok pagi*
Saya makan sedang sarapan pagi
"Saya makan sedang sarapan pagi"*

Fenomena ini juga turut berlaku dalam rajah pohon di bawah pada KK transitif *am*:



Rajah 8: Rajah pohon bagi contoh ayat

Pembentukan ayat KK transitif bahasa Bateq berikut membincangkan kehadiran kala dalam ayat dipaparkan pada contoh ayat (15), (16), (17), (22) dan (23). Pada contoh (15), (16) dan (17) kehadiran subjek *yek* pada ayat menggantikan KGN diri pertama *yem* kepada kata kerja bantu 'sedang', namun pada contoh (22) dan (23), pengguguran subjek *yek* pada ayat tidak mengubah fungsi *yem* sebagai kata kerja bantu 'sedang' tetapi masih wujud KGN diri pertama pada terjemahan ayat bahasa Melayu baku. Oleh itu, fitur KGN diri pertama masih wujud dalam ayat, walaupun menggunakan leksikal *yem* dalam ayat yang berfungsi sebagai kata kerja bantu 'sedang', yang membawa maksud kala berterusan sekiranya digunakan dalam ayat. Maka, isu mengenai *yem* sebagai kata kerja bantu 'sedang' diterangkan berdasarkan rajah pohon yang dipaparkan untuk menunjukkan fungsinya dalam ayat.

4.3 Perbincangan

Berdasarkan analisis dapatan yang diterangkan di atas, bahasa Bateq mengubah fungsi *yem* kepada KGN diri pertama dengan menarik fitur kata kerja bantu 'sedang' yang menunjukkan perbuatan yang dilakukan merupakan aktiviti yang dilakukan berterusan. Perubahan berlaku dengan kehadiran *yek* sebagai subjek 'saya' dalam dapatan contoh ayat di atas yang diterangkan menerusi rajah pohon. Perubahan KGN diri pertama membuktikan bahawa dalam bahasa Bateq juga wujud penggunaan kala dalam komunikasi harian dengan menggantikan KGN diri pertama sebagai kata kerja bantu kala berterusan untuk memberikan gambaran kepada pendengar bahawa perbuatan yang dilakukan oleh penutur sedang berlaku sekarang. Oleh itu, dalam bahasa Bateq, kata kerja bantu berterusan dimasukkan fungsinya ke dalam KGN diri pertama *yem*. Suatu maklumat tambahan yang perlu ditekankan adalah kebanyakan bahasa Orang Asli Negrito menggunakan pengulangan leksikal dalam pembentukan ayat mereka, namun setiap pengulangan memberikan maksud yang berbeza, ekoran daripada komunikasi di antara mereka yang gemar untuk membina ayat pendek dan mudah dalam komunikasi harian (Din Anak Lelaki Cabang, 2022). Maka, pengulangan KGN diri pertama 'saya', *yek* dan *yem* merupakan contoh membuktikan

bahawa pengulangan leksikal dalam ayat tersebut hadir hanya untuk mengubah fungsi salah satu leksikal sebagai kata kerja bantu untuk menerangkan mengenai situasi yang berlaku dalam ayat. Oleh itu, penekanan terhadap isu ini perlu diberikan perhatian penting oleh kajian yang akan datang.

Walau bagaimanapun, wujud juga fenomena dalam pembentukan ayat bahasa Bateq yang menggugurkan subjek dalam ayat, dan hanya menggunakan kata kerja bantu untuk menghasilkan ayat KK transitif yang lengkap dan gramatis. Ayat yang menggugurkan subjek dan menggunakan kata kerja bantu turut menunjukkan wujudnya kala dan subjek dalam ayat yang dinyatakan. Berbeza dengan kajian lepas yang mengkaji bahasa Orang Asli Negrito, penggunaan kala bersifat sebagai kata kerja bantu, tanpa memiliki fitur KGN pada kata kerja bantu (Fazal Mohamed & Khairul Faiz Alimi, 2014). Namun, isu yang diulas dalam kajian ini merupakan bahasa Bateq, suku kaum Negrito seperti Mendriq, bahawa terdapat leksikal kata kerja bantu yang memiliki fitur KGN diri pertama pada kata kerja bantu. Kehadiran *yem* pada asalnya membawa fitur KGN diri pertama ‘saya’ dalam ayat, namun apabila wujud *yek* sebagai subjek, fungsi *yem* berubah menjadi kata kerja bantu berterusan ‘sedang’. Fenomena ini tidak boleh dikategorikan sebagai subjek gandaan kerana kedua-dua leksikal *yek* dan *yem* membawa fungsi berbeza meskipun dikatakan kedua-duanya adalah KGND pertama ‘saya’. Fungsi gandaan yang berupaya untuk menegaskan mengenai pelaku tetap wujud pada ayat namun menurut penutur, penggunaan leksikal tersebut berbeza mengikut kala sesuatu perbuatan itu dilakukan. Maka, ayat yang mempunyai *yek* dan *yem* membawa makna “Saya sedang-” sama seperti bahasa Inggeris “I am-” atau “I’m-” yang menunjukkan struktur subjek diiringi kata kerja bantu.

Namun begitu, fenomena perubahan *yem* sebagai kata kerja bantu berterusan ‘sedang’ juga masih boleh terjadi tanpa kehadiran *yek* dalam ayat yang dinyatakan, seperti dapatan yang diterangkan pada contoh ayat (22) dan (23). Penggunaan *yem* sahaja dalam ayat merupakan KKB ‘sedang’ untuk memenuhi EPP, maka fitur e diwujudkan dalam struktur sintaksis ayat Bateq. Ayat yang menggunakan *yem* juga dikategorikan sebagai ayat yang lengkap dan gramatis oleh penutur bahasa Bateq dan boleh difahami oleh pendengar kerana telah lengkap maklumat yang ingin disampaikan. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa, pada leksikal *yem* wujud dua fitur padanya, Kata Ganti Nama diri pertama ‘saya’ dan kata kerja bantu kala berterusan ‘sedang’ dan boleh digunakan dalam ayat untuk direpresentasikan sebagai subjek dan kata kerja bantu. Maka, leksikal *yem* sudah memadai untuk pembentukan ayat kala berterusan untuk frasa kerja dalam bahasa Bateq kerana *yem* sudah memiliki fitur KGN diri pertama dan kata kerja bantu kala berterusan sebagai pelengkap maklumat yang memiliki kala dan subjek dalam ayat.

5. Kesimpulan

Kajian mengenai kala yang kian dijalankan membuktikan bahawa penggunaan kala penting sebagai pelengkap dalam pembentukan ayat. Rentetan itu, setiap bahasa mempunyai kala dalam bahasa mereka namun berbeza penggunaan dan pembinaannya dalam ayat, seperti bahasa Bateq. Bahasa Bateq telah membuktikan bahawa bahasa Orang Asli juga turut mempunyai frasa kala dalam bahasa mereka dan digunakan dalam komunikasi harian mereka dengan membina ayat yang lengkap beserta kala yang dimasukkan dalam sintaksis mereka. Penemuan frasa kala bahasa Bateq dapat diterangkan dengan jelas dan baik dengan penggunaan Program Minimalis yang menganalisis pembentukan ayat hingga ke peringkat minimal. Oleh itu, analisis ayat bahasa Bateq dari peringkat ke peringkat membolehkan kajian ini berlaku untuk mengenal pasti kala dalam bahasa Bateq, dan didapati kala juga boleh wujud fiturnya bersama Kata Ganti Nama dalam unsurnya. Pendekatan Program Minimalis membantu kajian untuk memberikan gambaran pembinaan ayat bahasa Bateq dengan jelas dengan memberikan label untuk meletakkan setiap leksikal dalam ayat pada label-label yang bersesuaian dan akhirnya mengenal pasti kala yang wujud pada ayat bahasa Bateq. Maka, Program Minimalis menjadi pendekatan yang baik untuk digunakan bagi mengkaji bahasa-bahasa seperti bahasa Orang Asli untuk mengenal pasti setiap fungsi yang wujud dalam elemen pembinaan ayat pada bahasa Orang Asli.

Meskipun fenomena ini dapat dibuktikan dalam kajian ini, kekurangan data tambahan untuk menyokong kenyatan ini dengan lebih kukuh sukar untuk didapatkan ekoran daripada kekangan masa dan keterbatasan komunikasi di antara pengkaji dan responden yang tidak dapat memahami bahasa Melayu dengan baik. Oleh itu, berdasarkan kajian dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini dapat memberikan panduan kepada kajian yang akan datang untuk menambah baik dapatan mengenai bahasa Orang Asli Bateq mengenai kala dalam pembinaan ayat bahasa berikut. Penggunaan kaedah yang lebih baik pada masa akan datang perlu diberi peluang dan dilakukan oleh kajian yang akan datang untuk memastikan setiap leksikal yang dituturkan oleh penutur natif bahasa Orang Asli dapat dirakam, dianalisis dan dihuraikan dengan baik agar maklumat baharu dapat ditampilkan dan dibincangkan dengan baik untuk memahami struktur sintaksis bahasa Bateq dengan lebih jelas dan baik.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) pindaan 1 2021 yang berkod: WAB/10/UKM/02/2 dan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) 2021 yang berkod: 063; bertujuan untuk Membina pangkalan data model SLap (*Scientific Language Preservation*) untuk bahasa Negrito

Rujukan

Benjamin, G. (1976). Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula. *OceanicLinguistics Special Publications*, (13), 37-128.

Butt, B., Anwar, B., & Rasool, S. (2022). The Syntax of Negation of Serial Verbs in Urdu. *NUSTJournal of Social Sciences and Humanities*, *8*(1), 119-138.

Chomsky, Noam. (1981). *Lectures on Government and Binding*. Dordrecht: Foris Publication,London.

Chomsky, Noam. (1995).The Minimalist Program. Cambridge: MIT Press.

Dhayef, Q. A., & Tahreer, M. H. (2022). A contrastive study of Past Tense Charts in English and Arabic in Holy Texts. *Periodica Journal of Modern Philosophy, Social Sciences and Humanities*, *5*, 96-103.

Din Anak Lelaki Cabang. 2022. Struktur Frasa Kerja bahasa Bateq, Taman Negara, Pahang. Temu bual, 6 Ogos

Fauzi, M., & Mulyadi, M. (2020). Struktur Argumen Bahasa Melayu Dialek Akit Pulau Padang Kepulauan Meranti. *Jurnal Ilmu Budaya*, *16*(2), 110-119.

Györfi, D. (2022). *Auxiliary verb constructions in Modern Spoken Kazakh* (Tesis Falsafah,University of Surrey).

Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *1*(2), 17-24.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2021. https://www.jakoa.gov.my (Capaian pada 9 Ogos 2021).

Jalabneh, A. M. (2022). Independent and Subordinate Subjunctive Phrases and Theta-Marking in Arabic Syntax: A Minimalist View. *Theory and Practice in Language Studies*, *12*(6), 1232-1239.

Jubilado, R., & Razak, R. A. (2016). Lapisan Frasa Kerja dalam Bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mat Daud, M. R. H., Yaacob, N. A., Ibrahim, M. I., & Wan Muhammad, W. A. R. (2022). Five-Year Trend of Measles and Its Associated Factors in Pahang, Malaysia: A Population-Based Study. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *19*(13), 8017.

Muhammad, S. R., & Sha'ri, S. N. (2022). Analisis Kesilapan Bentuk Kata Dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam [Analysis Of Words Errors In Malay Essays Of Year Six Students]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, *5*(1), 9-24.

Saleem, M., Zahra, T., & Khan, S. I. (2022). Analysis of Minimalist Syntactic Complexity in English Writing among Secondary Level Students. *Global Educational Studies Review,VII*.

Silverman, David. (2020). *Qualitative research 3rd Edition*. Ed ke-3. Newbury Park, California. SAGE Publications Ltd

Sultan, F. M. M., & Alimi, K. F. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, *14*(2), 169-191.

Sultan, F. M. M., & Mohamad, N. A. (2021). Analisis Kata Kerja Bantu Dalam Dialek Melayu Terengganu Menggunakan Program Minimalis. *Jurnal Linguistik*, *25*(2).

Sultan, F. M. M., & Ramli, M. R. (2015). Kata Ganti Nama dalam Bahasa Mendriq. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *15*(3).

Sultan, F. M. M., Ahmad, Z., Jalaluddin, N. H., & Radzi, H. (2011). Kata soal bila dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, *11*(1), 69-80.

Sultan, F. M. M. (2009). Struktur sintaksis frasa nama bahasa Bateq. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *9*(1), 47-61.

Sultan, F. M. M. (2011). The syntactic structure of a noun phrase: Austroasiatic vs. Austronesia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, *19*(1), 263-271.

Taha, M., Sultan, F. M., & Yasin, S. M. (2017). The morphosyntax of causative construction in Sudanese Arabic. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, *25*(2),419-428.

Teh, K. Y. (2020). The impact of indigenous cultural and traditional practices on nature conservation perspectives: A study of the Batek Negrito in Malaysia/Teh Kate Yng. *Gading Journal for Social Sciences*, *23*(1), 38-45.

Zawawi, A. S. A. A., Sultan, F. M. M., & Jaludin, A. (2022). Kekangan Terhadap DP Ayat Kewujudan: Suatu Analisis Sintaksis *Jurnal Linguistik*, 26(2), 52-63

Zawawi, A. S. A. A., Sultan, F. M. M., & Jaludin, A. (2022). Subjek Nul Pro Bahasa Melayu: Suatu Penilaian Semula Berpandukan Kerangka Minimalis. *Issues in Language Studies*,*11*(1), 109-128.

Biodata Penulis

Muhamad Asytar Bin Mohamad Noor Ropiah merupakan Graduan Sarjana Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dalam pengumpulan data bagi penyelidikan lapangan berkaitan kebolehbacaan dan sintaksis.

Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan (Ph.D) ialah seorang Profesor Madya di Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sintaksis dan geolinguistik. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau kini mengetuai beberapa projek UKM, Kementerian Pengajian Tinggi dan Industri.

Nur Faqihah Hanim binti MuhamedSanari merupakan Graduan Sarjana Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dalam pengumpulan data bagi penyelidikan lapangan berkaitan kebolehbacaan dan sintaksis.

Nur Anis Syafiqa Binti Zulkefli merupakan Graduan Sarjana Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dalam pengumpulan data bagi penyelidikan lapangan berkaitan kebolehbacaan dan sintaksis.